



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sepertimana berikut:-

- (a) Jawatan** : PENOLONG JURUTERA
(b) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual gaji Matriks
Gred J29	: P1T1 RM1549.40- P1T21 RM3046.80 P2T1 RM1620.49- P2T21 RM3241.91 P3T1 RM1694.60- P3T21 RM3430.90

- 3. SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik bidang kejuruteraan dan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas: atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. **TARAF JAWATAN** : **Tetap**
6. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Jurutera adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang di buat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **18 Julai 2010**
8. **CARA MEMOHON** :
- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau mengemukakan sampul surat berukuran 23cm x 16cm beralamat sendiri beserta setem RM0.50 atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkj.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil persekolahan (diakui salinan sah), kad pengenalan, dokumen-dokumen sokongan dan sekeping gambar berukuran paspot (tidak dikembalikan) dan hendaklah dihantar kepada :-
- YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
81900 KOTA TINGGI**
- (c) Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.17.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

HJ MOHD ZAID BIN A.RAHMAN

Setiausaha,
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi
Tarikh : Julai 2010